SOALAN NO.: 450

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sepuluh syarikat penerima terbesar pinjaman Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) dari tahun 2006 ke 2011 untuk tujuan pembangunan ladang-ladang kayu. Selepas 2011, adakah sebarang pakej pinjaman lain yang ditawarkan dan apakah kriteria untuk memilih penerimanya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 10 syarikat yang telah mendapat pinjaman terbesar di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) sehingga tahun 2011 adalah seperti jadual berikut:

Bil.	Nama Syarikat	Luas Diluluskan (Hektar)	Nilai Pinjaman (RM)
1	Bornion Timber Sdn Bhd	8,400	63,450,000
2	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah (SAFODA)	7,500	61,250,000
3	Acacia Industries (K) SdnBhd	8,567	56,000,000
4	TSH Resources Berhad	2,500	29,250,000
5	Pusaka KTS Forest Plantation Sdn Bhd	5,000	27,000,000
6	Ta Ann Plywood Sdn Bhd	8,000	25,600,000
7	Fleet Precision Sdn Bhd	2,500	22,500,000
8	Gagah Kukuh Sdn Bhd	2,500	22,500,000
9	SBH Timber Sdn Bhd	2,500	22,500,000
10	Peninsular Forest Management Sdn Bhd	2,500	22,500,000

Selepas tahun 2011, tiada pakej pinjaman lain yang diperkenalkan bagi Program Pembangunan Ladang Hutan.

Sekian, terima kasih.

RT47/451

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setakat manakah perlaksanaan pemindahan SJK (T) Gunung Rapat ke tapak yang baru.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam usaha mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk semua murid, Kementerian akan membantu memudahkan proses penempatan semula sekolah berdasarkan *case by case*. Ini kerana pemindahan sesebuah sekolah perlu dilaksanakan secara teliti kerana ia melibatkan kos yang tinggi dan yang paling penting adalah persetujuan semua pihak berkepentingan termasuklah ibu bapa murid yang terlibat. Bagi pelaksanaan pemindahan SJKT Gunung Rapat, Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha untuk melaksanakan projek ini dalam *Rolling Plan 4* RMKe-10 dengan menggunakan peruntukan sedia ada.